

01 SEP 1996

Mahathir - Danum

DR MAHATHIR BERMALAM DI HUTAN RIMBA LEMBAH DANUM

TAWAU, 1 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali bermalam di tengah hutan rimba Lembah Danum, Sabah malam tadi dan mengucapkan tahniah kepada kakitangan yang bertugas di pusat penyelidikan perhutanan di situ.

"Tahniah kerana sanggup bertugas di tempat yang terpencil lagi sunyi ini," kata Perdana Menteri dalam buku kedatangan pelawat kenamaan di pusat itu sebelum berlepas ke Tawau dan kemudian pulang ke Kuala Lumpur.

Dr Mahathir, yang tiba di pusat itu dengan helikopter semalam, sememangnya terkenal sebagai pemimpin mencintai alam semulajadi dan seringkali menyuarakan rasa tidak senang hati sekiranya sesuatu projek pembangunan boleh menyebabkan kerosakan yang teruk kepada persekitaran.

Lembah Danum mempunyai keluasan 43,000 hektar, hampir menyamai keluasan Singapura, terletak kira-kira 100 km dari bandar terdekat Lahad Datu. Kawasan itu mempunyai lebih daripada 275 spesis burung dan 110 spesis mamalia, termasuk gajah Asia, Orang Utan, kijang dan haiwan lain.

Ia juga kawasan perlindungan hutan tanah pamah di Sabah dan antara hutan hujan tropika tertua di dunia. Ia mempunyai koleksi flora yang luas termasuk Rafflesia -- bunga terbesar di dunia, dan pokok Bintangor, yang baru-baru ini didapati mempunyai bahan kimia yang dipercayai boleh melawan HIV.

Perdana Menteri dan isteri tiba di lembah itu semalam selepas menghadiri sambutan Hari Kebangsaan ke-39 di Kota Kinabalu.

Sepanjang lawatan ke lembah itu, Dr Mahathir diberikan taklimat oleh Penasihat Korporat Kumpulan Yayasan Sabah, Tengku Datuk Zainal Adlin berhubung langkah pemuliharaan lembah itu oleh Pusat Penyelidikan Luar Lembah Danum (DVFC), satu daripada pusat kajian persekitaran yang terkenal di Asia Tenggara.

Beliau kemudian bersiar-siar di kawasan hutan semulajadi Lembah Danum termasuk di atas jambatan kanopi, memancing dan melihat haiwan liar pada sebelah malam di sekitar pusat peranginan Borneo Rainforest Lodge.

Pagi tadi, beliau bersiar-siar di sekitar kawasan DVFC dan menanam benih pokok jati di situ manakala Siti Hasmah pula menanam pokok sukun.

Beliau kemudian berlepas ke Tawau untuk menghadiri makan tengah hari dengan pemimpin Barisan Nasional sebelum kembali ke Kuala Lumpur dengan pesawat eksekutif.

Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee turut berada di Lapangan Terbang Tawau untuk mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri dan isteri. --  
BERNAMA

JS KG FAZ